



SUARA BANDARAYA

Disember 1989

ISSN 0128-1194




Dato' Elyas Omar: Kuala Lumpur Bersiap Untuk 1990

1989 akan diingati sebagai tahun aktiviti, kerja keras dan kejayaan manis bagi DBKL. Antara acara-acara penting bagi kita ialah sidang puncak pemimpin-pemimpin Komanwel dan Sukan SEA. Tugas menghias Kuala Lumpur dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang dikemaskinikan untuk setiap acara adalah satu cabaran kepada DBKL.

Setiap kali acara berakhir, kita mendapat pujian. Walaupun kita berbangga dengan kejayaan-kejayaan itu, komitmen kita untuk menjadikan ibu kota kita bersih dan cantik adalah satu usaha jangka panjang. Sejauh ini, hanya 30 peratus daripada bandaraya telah melalui proses tersebut.

Dalam usaha mengejar pertumbuhan dan kemajuan, kita telah meninjau berbagai pilihan, termasuk mendapatkan taraf bandaraya kembar. Satu acara bersejarah dan yang pertama di negara ini ialah perisytiharan Kuala Lumpur dan Melaka sebagai bandaraya kembar. Barubaru ini, kita menjadi "Rakan Perniagaan" bandaraya Osaka di Jepun. Ini membuka jalan bagi meningkatkan hubungan ekonomi dan kerjasama antara kedua bandaraya.

Percantuman unsur-unsur lama dan baru memberi dimensi yang luarbiasa.



Pemandangan yang kian berubah mencerminkan kemajuan bandaraya Kuala Lumpur.

Bersambung di muka 4

SUARA BANDARAYA

EDITORIAL

Penasihat
Abu Bakar Effendie

Editor
Zarina Ahmad Osman

Penolong Editor
Mohamed Hashim Hj. Mohd. Ali
Jennifer Vincent

Jurufoto
Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rhani Mohd. Sohor

Pemberita
Wan Abdullah Wan Abd. Ghani
Halijah Zain
Nik Suzana
Rita Ahmad
Rosniza Baharum
(Pelatih ITM)

SUMBANGAN
Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana dan karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

Editor
Suara bandaraya Bahagian Hal Ehwal Awam Urusetia Bandaraya Tingkat 6, Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur
Telefon: 2916011 Sambungan 147 / 432 / 122

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pernyataan rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Produced by
Shahreen Corporate Communications
Sdn Bhd

Printed by:
Microm Sdn Bhd
26, Jalan Segambut Pusat,
51200 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

MUKA SURAH



| | |
|---|----|
| Dato' Elyas Omar: Kuala Lumpur Bersiap Untuk 1990 | 1 |
| Kearah Integrasi Kaum Malaysia | 3 |
| Bil Air Dan Gas Berkomputer | 6 |
| Kuala Lumpur Kota Dalam Taman | 7 |
| Vista Angkasa Ganti Kampung Kerinci | 8 |
| Billy Goat Sapu Jalan | 9 |
| Datuk Bandar Terima Anugerah The Malay Mail | 10 |
| Klinik dan Dewan Untuk Rumah Pangsa | 11 |
| Kemudahan Belajar Di Rumah Pangsa | 11 |
| Lif Buang Sampah Tanpa Elektrik | 12 |
| Jualan Berselerak PUSPANITA | 13 |
| Kuala Lumpur 1989 - A Photo Special | 14 |
| 'Shuttle' Taman Makin Popular | 16 |
| Sebuah Lagi Taman Bunga Di Kuala Lumpur | 17 |
| Hari Perancangan Bandar Sedunia | 18 |
| Penjaja Chow Kit Disusun Semula | 19 |
| Lingam Abadikan Diri Untuk Sukan | 20 |
| Pasukan Gasing Pangkah Pilih Kedua | 20 |
| Pusat Sivik Untuk Kegiatan Seni | 21 |
| Sekitar Lawatan | 22 |
| Haji Ghani Hadiri Mesyuarat OICCC | 23 |
| Rumah Rehat Kita Di Mount Pleasure | 24 |
| Piala Malaysia - KL Juara Lagi | 26 |

Kearah Integrasi Kaum Malaysia

Segala jentera masyarakat yang ada pada masa ini hendaklah meningkatkan lagi peranan mereka bagi mewujudkan integrasi kaum yang mantap di negara kita.

Datuk Bandar, Dato' Elyas Omar, berkata demikian ketika merasmikan konvensyen perpaduan 'Ke Arah Pembentukan Bangsa Malaysia' pada 26 November, di Auditorium DBKL.

Konvensyen yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu bertujuan untuk melibatkan pemimpin-pemimpin pertubuhan masyarakat dan persatuan sukarela dalam usaha untuk mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan semua kaum.

Dato' Elyas menjelaskan, kerajaan sentiasa berusaha dan merancang strategi tertentu untuk mengatasi masalah dan isu yang berkaitan dengan perpaduan nasional.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa tugas ini bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata. Ia adalah tanggungjawab semua pihak, terutama pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan persatuan sukarela.

Datuk Bandar menekankan dua unsur penting yang perlu dihayati oleh semua rakyat bagi membangunkan identiti nasional, iaitu semangat persaudaraan sebangsa Malaysia dan semangat kewarganegaraan.

Menurut Dato' Elyas, jika kedua unsur tersebut kukuh, persefahaman semua kaum di negara ini akan lebih mantap dan tidak mudah digugat oleh anasir-anasir jahat.

Yang lebih penting, kata Datuk Bandar, ialah matlamat untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang dapat mencerminkan identiti tersendiri. Setiap lapisan masyarakat, tidak kiranya tua, muda atau keturunan, haruslah mempunyai tanggungjawab dan kewajipan terhadap pembangunan negara.



Dato' Elyas: Semangat persaudaraan ... dan semangat kewarganegaraan.

Persefahaman ini akan membantu negara mencapai tahap kemajuan, yang lebih tinggi tanpa diganggu oleh sentimen perkauman, dan sejantung dengan itu, pertumbuhan ekonomi negara akan dapat berkembang dengan baik dan dinikmati oleh semua.

Konvensyen sehari itu membentangkan beberapa kertas kerja dan ceramah berkaitan dengan perpaduan masyarakat. Ia dipengerusikan oleh Senator Azman Attar bin Othman. Majlis penutup dilakukan oleh Encik Mohd Jawhar Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara. ●



Sebahagian daripada para peserta konvensyen.